

**MAKLUMBALAS SASTERA KEPADA KONSEP MADANI:
PENELITIAN ANTOLOGI CERPEN “SEBUAH RUMAH DAN NARATIF TANAH AIR”**

***LITERARY RESPONSE TO THE CIVIL CONCEPT:
A STUDY OF THE SHORT STORY ANTHOLOGY OF A “HOME AND THE NARRATIVE
OF THE HOMELAND”***

Sim Chee Cheang^{1*}
Fatin Najla Omar²
Norsuhaila Sulaiman³

^{1, 2, 3}Akademi Seni & Teknologi Kreatif
Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

suesim@ums.edu.my*

*Dihantar/Received: 14 Oct 2023 | Penambahbaikan/Revised: 29 Oct 2024
Diterima/Accepted: 02 Nov 2024 | Terbit/Published: 20 Dec 2024*

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.vi.5743>

ABSTRAK

Menurut buku Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Anwar bin Ibrahim bertajuk *Membangun Negara Madani* (2023), kerangka dan visi Madani adalah berlandaskan 6 teras iaitu kemampanan (*sustainability*), kesejahteraan (*wellbeing*), daya cipta (*creativity*), hormat (*respect*), keyakinan (*confidence*) dan ihsan (*courtesy*). Ke-enam-enam teras tidak berdiri sendiri tetapi salingberhubung dan bergantung antara satu sama lain dalam penggubalan semua dasar demi masyarakat berpadu. Di samping itu, kerangka dasar reformasi ini dikatakan akan sentiasa ditambahbaiki mengikut maklumbalas rakyat. Bentuk maklumbalas rakyat pelbagai namun penelitian ini berfokus pada maklumbalas kumpulan pengarang jati Malaysia antara umur 40-50an yang pernah mengalami perjalanan pahit Perdana Menteri ke tahap pentadbiran politik tertinggi hari ini. Hafizah Iszahanid, Lokman Hakim, Nazri Hussein, Ruhaini Mat Darin dan Salina Ibrahim telah menulis 9 buah cerpen yang menyoal, mengkritik, menyokong, mengalakkan dan juga mengutuk konsep Madani secara keseluruhan. Objektif penelitian ini adalah untuk mendapat maklumbalas rakyat melalui sudut pandangan karyawan Malaysia sebagai wakil maklumbalas bidang seni atas seruan Perdana Menteri. Adalah harapan bahawa maklumbalas akan sedikit sebanyak mencarum kepada penambahbaikan yang dijanjikan kerajaan baru MADANI.

Kata kunci: Madani, Konsep Madani, Cerpen, Maklumbalas Madani.

ABSTRACT

Prime Minister of Malaysia's YAB Dato' Anwar bin Ibrahim's book entitled “Developing the Madani Nation” (2023) introduces the Madani framework and vision based on 6 thrusts, namely sustainability, wellbeing, creativity, respect, confidence and courtesy. The six thrusts do not stand alone but are interconnected and dependent on each other in formulating all policies for the sake of a cohesive society.

In addition, the reform policy framework is said to be constantly improved according to the feedback of the people. The form of public feedback is varied, but this paper scrutinizes the feedback from a group of Malaysian authors between the ages of 40-50 who have experienced the Prime Minister's bitter journey as a sacked Deputy Prime Minister in 1998 to attain the highest level of political administration in the MADANI government today. Hafizah Iszahanid, Lokman Hakim, Nazri Hussein, Ruhaini Mat Darin and Salina Ibrahim have written 9 short stories that question, criticize, support, encourage and also critique the Madani concept. The objective of this research is to evaluate the feedback from the people through the perspective of Malaysians who are representatives of the arts to the 6 thrusts of the MADANI government. It is hoped that the feedback will to some extent contribute to the improvements as promised by the new MADANI government.

Keywords: Madani, Madani Concept, Short Stories, Madani Feedback

PENGENALAN

Definisi “Madani” dalam website utama kerajaan Madani adalah seperti berikut: (<https://malaysiamadani.gov.my/>)

“MADANI adalah sintesis gaya Malaysia, yang menggabung jalin amalan sedia ada dengan kaedah baru yang direka untuk menangani isu-isu baru dan ketidakpastian. Enam nilai teras MADANI dicerakin sebagai kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepadu, dengan setiap satu menguatkan yang lain. MADANI diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan, dengan mengambilkira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemulihan melalui Reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan Makmur.

Pemahaman kata kekunci dalam definisi ini akan membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam dalam penelitian makna eksplisit dan implisit dalam tema, metafora, simbolisme serta dialog watak dalam 9 buah cerpen terkandung dalam *Antologi Sebuah Rumah dan Naratif Tanah Air* (2023). Kata kekunci “sintesis gaya Malaysia” dirujuk Kamus Dewan Ed. ke-4 merupakan objektif yang bukan baru iaitu “perpaduan berbilang kaum”. Perbezaan antara falsafah kata kekunci tersebut daripada falsafah pentadbiran sebelum MADANI terkandung dalam janji terakhir ayat pertama iaitu “kaedah baru” dan “isu-isu baru” serta “ketidakpastian” yang menjadi sebuah ikrar falsafah MADANI. Enam nilai MADANI iaitu kemampuan (*sustainability*), kesejahteraan (*wellbeing*), daya cipta (*creativity*), hormat (*respect*), keyakinan (*confidence*) dan ihsan (*courtesy*) menjadi asas kerangka dasar pentadbiran kerajaan MADANI. <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan>

SOROTAN LITERATUR

Dalam teks ucapan YAB Dato Seri Anwar Ibrahim pada 27 Julai 2023 bertajuk “Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat”, beliau mengusuli bahawa hasil rancangan ekonomi MADANI adalah daripada perbincangan dengan pakar-pakar ekonomi, perancang dan penjawat awam. Salah satu daripada objektif perbincangan tersebut adalah “untuk memperkukuhkan industri tempatan supaya lebih inovatif”. Persoalan yang ditimbulkan dalam kertas penyelidikan ini ialah peranan dan tugas Sastera Melayu dalam kerajaan MADANI. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sarian, pernah berkata “Soal perjuangan, keadilan dan ekonomi ketika [zaman 1950-an di mana polemik sastera ditata oleh Angkatan Sasterawan 50] itu memang tanpa ragu-ragu dipengaruhi nasionalisme, sudah mula mengakar menjadi intisari perjuangan masyarakat pada waktu itu.”. Dalam Majlis Forum ‘Keberadaan Sastera Dalam Daulah Islam sempena Hari Sastera ke-18

yang bertemakan ‘Islam dan Sastera Kebangsaan’ di Pantai Cahaya Bulan pada 4 hingga 6 Ogos ini (Atriza Umar 2023) beliau membahas pengaruh sastera yang telah berubah daripada jujuk terpenting mempengaruhi kehidupan masyarakat kepada satu bidang luar daripada seni bertumpu pada sastera untuk agenda lain seperti politik. Kesimpulan beliau ialah sastera dalam kerajaan baru MADANI mempunyai pilihan untuk kembali kepada satu sistem nilai atau membiarkan kemerosotan melanggar dan mendabrak berterusan sehingga kehapusan nilai-nilai kemanusiaan. Ini kerana menurut Ybhg.Prof, “Sastera bukan untuk sastera, sastera adalah untuk pembinaan sahsiah” dan merupakan alat pembinaan masyarakat. (Atriza Umar 2023)

Selepas ucapan YAB pada 27hb Julai 2023, rancangan kerajaan MADANI yang dikatakan sudah mula diasaskan pada 26 September 1995 (Booklet 19 September 2024), diunjurkan dalam pelbagai bentuk buku, makalah online dan booklet serta makalah dalam surat khabar seperti Utusan Melayu, Harian Metro, Berita Harian, Malaysiakini tidak ketinggalan, tersebar luas melalui saluran media Astro, RTM dan TV3. Dalam alam akademik, fokus penelitian adalah kepada maksud perkataan “Madani” dalam erti kata Arab “Madaniyah” iaitu “sivil” atau “urban” dalam konteks Islam (Suhaila Abdulah 2023). Selain hasil terbitan IKRAM iaitu Institut Kerja Raya Malaysia (<https://ikram.org.my>) yang bermain peranan sebagai penggerak dan penjelas konsep MADANI dalam memupuk masyarakat ramah berasaskan teladan agama Islam iaitu *Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur* (Negara baik dan Tuhan Maha adalah Pengampun), enam konsep MADANI turut dibincang dari pelbagai perspektif. Kebanyakan penelitian terhadap konsep MADANI adalah dari perspektif Islam contohnya terhadap pemikiran masyarakat menurut Imam Al-Ghazali (Mohd. Hamidi Ismail 2023), impak atas Dasar Awam (Muhammad Amsyar Azman & Nurul Hasanah Abdul Rahman 2023), kelestarian alam sekitar (Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin Mac 23, 2024). Terdapat juga laporan dalam akhbar harian yang bersifat sekular berkaitan penelitian konsep tertentu dalam MADANI contohnya *Prinsip hormat Malaysia MADANI Tingkat Nilai Masyarakat* (Ahmad Badruddin Abdullah, *Berita Harian* 24 May 2023) tetapi yang jelas ialah kekurangan penelitian dalam bentuk maklumbalas terhadap konsep MADANI dari lapisan golongan professional, masyarakat biasa dan juga sasterawan. Satu artikel yang bersifat maklumbalas adalah artikel bertajuk *Pandangan Pengundi Terhadap Slogan “Malaysia Madani” dalam Pilihan Raya Negeri 2023* oleh Nur Ainisyafini Ab Rahim & Junaidi Awang Besar (2024). Artikel tersebut lebih bertumpu kepada maklumbalas pengundi terhadap slogan MADANI daripada konsep-konsep MADANI. Oleh sebab itu, kertas penyelidikan ini akan berusaha untuk meninjau maklumbalas masyarakat biasa yang tersembunyi dalam kesusasteraan kerana, seperti kata-kata Ybhg. Prof. Datuk Seri Awang Sariyan, sastera adalah “alat pembinaan masyarakat” (Atriza Umar 2023). Sastera bukan sahaja seni tetapi mencerminkan pandangan pengarang yang mewakili masyarakat zaman kini.

METODOLOGI

Kertas penyelidikan ini akan meneliti maklumbalas sastera dalam bentuk sebuah antologi cerpen bertajuk *Sebuah Rumah dan Naratif Tanah Air* (2023) yang terdiri daripada 17 buah cerpen yang ditulis oleh 9 pengarang yang berasal daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti guru, jurutera, pemberita, pensyarah, bekas juruaudit dan pengarang profesional. Namun, hanya 4 pengarang dan 9 buah cerpen akan dianalisis sebagai satu maklumbalas masyarakat terhadap falsafah dan konsep MADANI seperti yang digariskan di atas melalui alat seni penulisan. Cerpen daripada antologi ini dipilih kerana cerpen-cerpen didiskripsikan sebagai “...sumbangan berupa suara hati dan rsa prihatin golongan penulis da pengarang terhadap apa-apa sahaja perkembangan kemajuan negara” (Salina Ibrahim 2024). Hasrat supaya idea-idea yang disalurkan dalam cerpen-cerpen tersebut “dapat menambah baik pelaksanaan gagasan” (Pengenalan SRTA, xii) juga seiring dengan saranan Perdana Menteri kerajaan MADANI untuk maklumbalas yang boleh menambahbaiki pentadbiran kerajaan MADANI. Maka tumpuan kertas ini adalah untuk membongkar

kritikan atau saranan positif dan negatif terhadap falsafah konsep MADANI yang diungkitkan melalui alat sastra dalam cerpen-cerpen tersebut:

No.	Pengarang	Judul Cerpen
1.	Hafizah Iszahanid (HI)	<i>Sang Penghijrah</i> (SP) <i>Semalam Sahaya Mimpikan Tuan</i> (SSMT)
2.	Lokman Hakim (LH)	<i>Madani di Tangan Mat Ani</i> (MTMA) <i>Rumah Burung</i> (RB)
3.	Nazri Hussein (NH)	<i>Lelaki dan Naratif Teks Silam</i> (LNTS) <i>Sebuah Rumah dan Naratif Tanah Air</i> (SRNTA)
4.	Salina Ibrahim (SI)	<i>Cetera Penggali Kubur</i> (CPK) <i>Doa untuk Anak</i> (DA)
5.	Ruhaini Mat Darin (RMD)	<i>25 Tahun Menembus Batas</i> (25TMB)

Bahagian perbincangan dalam bab ini dibahagi mengikut pemahaman dan interpretasi konsep-konsep tersebut yang menjadi asas kerangka pentadbiran dan pencapaian hasrat MADANI. Analisis tekstul atas 9 buah cerpen akan melibatkan metodologi pembacaan rapat (*Close reading*) di mana semua aspek sastra seperti bahasa, struktur, peralatan sastra yang digunakan oleh setiap pengarang akan ditelitikan untuk mengupas maksud intrinsik dan ekstrinsik cerpen-cerpen tersebut. Tidak juga dilupakan analisis kontekstul iaitu kaitan plot, tema, watak perwatakan, dialog dan mesej setiap cerpen dengan latar sejarah sosio-politik Malaysia serta pengembalian semula “watak utama” ke pangkal pentadbiran kerajaan MADANI iaitu Perdana Menteri Malaysia MADANI, YAB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim selepas disingkirkan, dituduh dan dipenjarakan pada 20 September 1998.

Istilah Arab, “Madani” membawa maksud “bertamadun” maka konsep pentadbiran Madani adalah “usaha pembangunan peradaban yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati, berkeyakinan dan bersifat insan”. Istilah “Madani” merujuk kepada tatakelola yang adil dan berkesan dalam sejarah umat Islam bermula di Madinah sebagai jawapan kepada pentadbiran pecah membelah yang berasaskan identiti politik (Nur Ainisyafini Ab Rahim & Junaidi Awang Besar 2024). Enam konsep yang menjadi teras falsafah pentadbiran kerajaan MADANI seperti yang tertera dalam buku YAB Dato’ Anwar bin Ibrahim bertajuk *Membangun Negara Madani* (2023) dan laman web utama kerajaan MADANI dijelaskan seperti berikut:

No.	Konsep Teras Falsafah Madani	Definisi (https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan)
1.	Kemampanan	Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan
2.	Kesejahteraan	Ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan
3.	Daya Cipta	Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia.
4.	Hormat	Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia
5.	Keyakinan	Menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan
6.	Ihsan	Belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan

PERBINCANGAN

Kemampanan

Definisi “kemampanan” dalam ertikata lain ialah “saling menghormati dan mengasihi sesama makhluk di atas muka bumi yang merangkumi manusia, alam sekitar, ekosistem dan segala komponen yang ada di dalamnya termasuklah flora, fauna dan kepelbagaian organisma hidup yang lain” (Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin 2023). Aspek cintakan manusia tidak kira bangsa, gender, status dan asalan, bergema di semua cerpen tersenarai bermula dengan tema kemanusiaan yang dibawa oleh Hafizah Izahanid (HI) dalam cerpennya *Sang Penghijrah* (SP) melalui watak seorang pegawai imigresen yang berhadapan dengan hakikat kehidupan seorang pendatang asing tidak jauh daripada nenek moyangnya sendiri yang berhijrah ke tempat lain demi kehidupan yang lebih baik. Watak utama pegawai imigresen berkesian terhadap pandangan asing yang ditangkap sebab dia “melihatnya dengan mata kemanusiaan” (SP 9). Jelas bahawa HI ingin mengariskan kepentingan saling menghormati antara satu sama lain demi mencapai hasrat kerajaan baru atas dasar kita semua manusia. “Kehormatan” yang disarankan bukan setakat terhadap manusia tetapi untuk alam sekitar, harta benda, flora serta fauna seperti yang digalakkan oleh Lokman Hakim dalam cerpennya bertajuk *Rumah Burung* (RB) dan juga *Sebuah Rumah dan Naratif Tanah Air* (2023) oleh Nazri Hussein. Pengarang-pengarang tersebut bersetuju dengan kepentingan kemampanan yang berteraskan hormat, kasih sayang bukan sahaja terhadap manusia tetapi terhadap alam sekitar seperti pasangan suami isteri dalam cerpen *Rumah Burung* (RB) oleh Lokman Hakim (LH) yang berasa burung-burung tempua dan kelicap madu akan pulang bersarang di rumah mereka tanpa tindakan yang diambil untuk memperbaiki tempat mereka bersarang. Hormat di antara satu sama lain dan hormat terhadap alam tidak cukup tanpa kasih sayang yang boleh menghilangkan perasaan curiga terhadap niat sebenar “ilmuwan yang percaya dirinya sudah memesrai alam sedangkan jauh di lubuk hati, ada suatu ketidakpedulian pada nasib burung tersebut”(RB 39). Mengikut Abdul Halim (2004, 186) tema hormat Madani berkaitan dengan Ilmu Tasawuf dalam mahabbah (cinta), redha dan berkorban demi kemaslahatan bersama akrab.

Ruhaini Matdarin menambah kepada senarai komponen yang perlu dihormati dan diambil berat iaitu seni. Contohnya, seni budaya muzik dalam bentuk *kulintangan* sebuah alat muzik yang menjadi ikon budaya Sabah dalam cerpennya bertajuk *25 Tahun Menembus Batas*. Dalam memperlihatkan seni kepunyaan pelbagai etnik di Sabah, RM melalui cerpennya *25 Tahun Menembus Batas* melontar persoalan peranan seni dalam pencapaian konsep kemampanan dalam pentadbiran kerajaan MADANI. Kekangan yang diutarakan seperti masyarakat yang masih diselubungi kepercayaan karut tradisional yang menyebabkan keluarga Cah becah belah setelah suaminya Midin dihalau dari perkampungan Kedamaian akibat tersalah langkah alat kulintangan menjadi titik tolak tema bakat seni yang terpadam dan terpendam. Kemiskinan kesedaran masyarakat terhadap nilai sebenar sesuatu seperti alat muzik kulintangan kepada budaya seni masyarakat Sabah dan juga ketakutan menghadapi masa depan yang baru seperti yang dirasai Cah terhadap cita-cita anaknya Ari untuk main Kulintangan merupakan kekangan pencapaian berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan.

Kesejahteraan

Kritikan terhadap konsep kesejahteraan yang didefinisikan sebagai ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan dalam laman web utama MADANI(<https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan>) adalah birokrasi dalam dunia politik yang mengkabur, rumit, menimbulkan ketidakpercayaan dan mengecewakan masyarakat. Birokrasi politik

yang tidak dapat menyampaikan hasrat-hasrat terkandung dalam falsafah MADANI adalah seperti memberi buku MADANI kepada seorang gelandangan bagaikan watak Mat Ani dalam cerpen Lokman Hakim (KH) bertajuk *Madani di Tangan Mat Ani* (MDTMA). Mat Ani bertanya:

“Kemampuan itu apa? Kesejahteraan itu perlukah? Daya Cipta? Saya tak perlukan daya cipta kerana hidup ini sudah sedia ada sengsara. Hormat? Bukankah kita saling menghormati dengan tidak mencarut atau bertumbuk sekarang ini? Keyakinan? Ya, saya yakin sangat hidup saya akan kekal teruk begini. Ihsan-itu boleh beri saya banyak duitkah? (SRDNTA 26)

Melalui persoalan tersebut jelas bahawa konsep dalam falsafah MADANI ini tidak bermakna kepada seorang yang miskin dan tidak berakidah. LH menggunakan sebutan watak tersebut untuk mempersoalkan idealisme dalam falsafah MADANI ini yang tidak membantu menyelesaikan masalah masyarakat dicontohi watak gelandangan Mat Ani. Kemiskinan masyarakat tidak dapat diselesaikan melalui pemahaman beberapa konsep tetapi seperti masalah kemiskinan negara memerlukan masa untuk direalisasikan. Mat Ani menjelaskan bahawa dia bukan menolak falsafah tersebut tetapi dia lebih ingin tahu cara reformasi akan dilakukan untuk mengubah “masyarakat yang bersikap pemalas untuk mendepani pembaharuan reformasi.” (SRDNTA 28). Watak penggali kubur Abang Dani dalam cerpen *Cetera Penggali Kubur* oleh Salina Ibrahim, juga menyarankan pentadbiran MADANI membersihkan “kubur” negara yang sarat dengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa oleh pentadbir-pentadbir sebelum kerajaan MADANI boleh berjaya direalisasikan. Seperti saranan oleh watak orang tua dalam cerpen kedua Salina Ibrahim *Doa Untuk Anak* (DUA), masyarakat Malaysia faham konsep-konsep MADANI sebab mereka adalah masyarakat pasca Merdeka yang berjaya membebaskan diri daripada penjajahan orang asing. Sekarang mereka hanya mahu kebebasan daripada belenggu lama supaya generasi akan datang dapat mewarisi sebuah negara yang membanggakan. Sokongan terhadap keikhlasan pentadbiran MADANI untuk membawa perubahan memang terdapat dalam cerpen-cerpen antologi ini namun idealisme konsep dan langkah untuk merealisasikan konsep MADANI dipertikaikan.

Ciri idealisme MADANI diungkit sebagai kelemahan dalam falsafah MADANI dan jelas dalam perbincangan berulang kali melalui watak serta tema “keyakinan” dalam beberapa cerpen. Ketidakyakinan bergema dalam watak-watak cerpen antologi tersebut bermula dengan watak pengemis jalan Mat Ani dalam cerpen MDTMA oleh Lokman Hakim terhadap langkah yang diambil oleh kerajaan MADANI melalui penyebaran buku tentang konsep MADANI, kerisauan Cah (25 *TMB*) terhadap kebolehcapaian cita-cita anaknya Ari yang ingin membawa kulintangan ke alaf antarabangsa, kerisauan orang tua yang berdoa (*Doa untuk Anak* (Salina Ibrahim (SI)) untuk generasi akan datang dan kesinisan Abang Dani (SI, PK) seorang penggali kubur yang disuap duit oleh anak YB yang pernah mencuri tanah dari bapanya. *Penggali Kubur* oleh Salinan Ibrahim berakhir dengan perkataan berikut oleh watak Abang Dani:

“..Argh, orang politik tetap orang politik! Janji untuk dikota, bukan untuk didusta. Dia masih pegang dan percaya kata-kata itu. Merenung sampul surat di tangannya, dia berjanji akan sedekahkan wang...”(83)

Keyakinan

“Keyakinan” ditafsirkan sebagai “Menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan” (<https://malaysiamadani.gov.my/>). Tafsiran “keyakinan” berfokus kepada perasaan keyakinan terhadap pencapaian matlamat MADANI dan juga “keyakinan” dalam memupuk “sikap Amanah” serta berubah daripada yang sedia ada kepada yang baik. “Keyakinan” terhadap pencapaian matlamat MADANI juga diulas dalam cerpen judul utama antologi tersebut iaitu *Sebuah Rumah dan Naratif Tanah Air* oleh Nazri Hussein (NH). Dia mendiskripsikan kerangka falsafah pentadbiran MADANI bagaikan pembinaan sebuah rumah pusaka yang dilindungi oleh enam adik beradik yang

sepatutnya kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Cabaran yang akan menghalang pencapaian rumah pusaka MADANI atau mengancam dan mengugat kesemua adik beradik serta keamanan rumah pusaka ini bukan sahaja dari luar rumah tetapi “segelintir anak cucu yang menjadi gunting dalam lipatan” (55). Rasuah dan penyelewengan kuasa (58) turut tersenarai bersama “perasaan syak wasangka dan kebencian melampau” (57)

Walaupun, isu-isu yang membangkitkan ketidakpercayaan asyik dijumpa dalam cerpen-cerpen tersebut, aspek yang diyakini turut hadir dalam bentuk kepercayaan terhadap keikhlasan ketua pentadbir iaitu Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim dalam wawasan yang mencetuskan konsep-konsep MADANI tersebut. Keyakinan terhadap keikhlasan berlangsung dalam bentuk penjelmaan watak “seorang tua” yang bergegas masuk ke masjid untuk bersolat tanpa pengiring pengawal dan diintai oleh pengemis Mat Ani yang menyebabkan dia bersetuju menukar falsafah jalanan untuk MADANI. Suara golongan tua dalam cerpen DUA oleh Salina Ibrahim juga berakhir dengan menaruh harapan terhadap seorang manusia yang bukan “penyelamat bertaraf Nabi” dan tidak lepas daripada dosa tetapi “cepat sedar dan tahu arah pulang” (94).

Namun, pengarang seperti Lokman Hakim pula ingin menyampaikan mesej bahawa “Idealisme politik” MADANI bukan sesuatu yang baru melalui cerpennya bertajuk *Rumah Burung*(RB). Pada 26 September 1995 di forum festival national Istiqlal, Jakarta, Dato Seri Anwar Ibrahim pernah mengajukan bahawa “masyarakat yang ideal adalah kelompok masyarakat yang memiliki peradaban maju” (Shah Mohd Akmal, 2023; Mohamed Nasser, 2023a&b). Persepsi ideal ini diberi nafas baru pada 19 Januari 2023 apabila beliau menjadi Perdana Menteri ke-10 dalam bentuk slogan “Malaysia Madani” di mana makna masyarakat MADANI merujuk kepada satu “sistem sosial yang subur yang diasaskan kepada prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara kebebasan perorangan dengan kestabilan masyarakat” (Shah Mohd Akmal, 2023; Mohamed Nasser, 2023a&b). Apabila watak utama sepasang suami isteri dalam cerpen RB mendapati burung-burung tempua yang telah mula bersarang di papan asbestos tempat pakir rumah mereka tiba-tiba mati tanpa alasan, mereka mengambil cadangan untuk memperbaiki ekosistem rumah dengan menanam pasu ulaman di persekitaran oleh seorang pemikir Prof. Kamil yang selalu singgah rumah untuk bercambah fikirannya. Seterusnya seorang setiausaha politik Kementerian, Encik Zam Zam mula mengalakkan pasangan suami isteri untuk menelaah gaya hidup keluarga masyarakat MADANI. Watak suami pun menjawab:

“Hal ini sulit sedikit Encik Zam Zam. Saya percaya setiap ciri yang diperkatakan dalam konteks Malaysia Madani itu memang dipraktikkan oleh golongan seperti kami. Ia bukan lagi suatu rahsia atau keunikan. Cuma... untuk memiliki kehidupan seperti ini merupakan suatu keistimewaan. Tidak semua orang ada akses kepada dunia perbukuan. Tidak semua orang ada masa untuk memikirkan hal membina nilai manusiawi apabila kekangan kewangan menghimpit” (RB 37)

Di samping memperingatkan sifat klise konsep MADANI tersebut sebutan watak juga mengariskan idealisme konsep etika dan moral dalam konsep MADANI. Watak utama cerpen RB seolah-olah membayangkan konsep pencapaian nilai etika dan ahklak manusiawi sebagai sesuatu Impian yang hanya terdapat dalam buku dan tidak dapat dicapai kerana kurang realistik dalam harapan. Dengan cadangan Encik Zam Zam untuk penambahbaikan struktur rumah sarang burung demi menarik burung balik bersarang di pakir rumah mereka, burung kelicap madu mula kembali tetapi pengembalian burung bersarang masih tidak memuaskan watak utama pasangan suami isteri yang berasa cendikiawan Prof Kamil dengan kuchingnya yang kelihatan beradab dan Encik Zam Zam yang sibuk ingin merakam kejayaan keluarga masyarakat madani dengan krew produksinya, memang tidak peduli akan burung-burung tersebut. Kekurangan “maruah dalam empati” (RB 40) adalah kesimpulan watak utama terhadap tindakan wakil kerajaan dalam percubaan untuk mencapai objektif MADANI. Akhirnya, Prof Kamil mewakili golongan berpendidikan

tinggi dan Encik Zam Zam, pentadbir politik yang bersetuju bahawa demi mencapai keseimbangan melalui kestabilan kehidupan merupakan sesuatu perjalanan yang memerlukan masa yang panjang dan mengalakkan jalan yang lebih semulajadi (*natural*) iaitu tindakan satu komuniti dan bukan seorang individu di mana semua lapisan masyarakat iaitu kesemua ekosistem perlu bekerjasama demi kejayaan. Begitu juga jalan untuk menarik burung-burung berbeza dan himpunan masyarakat berbeza mula kembali “bersarang” di rumah pasangan suami dan isteri.

Kehormatan

Kritikan terhadap proses dan langkah dalam mencapai konsep MADANI ini diikuti oleh penjelasan dan saranan oleh cerpenis juga. Saranan untuk masyarakat pelajari kepentingan hormat menghormati antara satu sama lain dalam komuniti berbilang kaum di Malaysia amat diperlukan sebelum pencapaian kesejahteraan atau kemampunan. “Hormat” dalam falsafah MADANI yang merujuk kepada “Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia” membawa maksud hormat menghormati antara bangsa, etnik, agama dan bahasa kerana “setiap komuniti etnik pula mempunyai adat resam tersendiri dan kaya dengan kepelbagaian budaya serta warisan” (Ahmad Badruddin Abdullah 2023). Aspek kehormatan berbeza sedikit daripada yang diutarakan oleh HP dalam SP iaitu kehormatan individu berasaskan persamaan. Konsep “hormat” yang diasingkan daripada “kemampunan” mengusulkan kehormatan terhadap perbezaan dalam setiap individu, bangsa, agama dan budaya. HP dalam cerpen keduanya iaitu *Semalam Sahaya Mimpikan Tuan* (SSMT), membawa tema hormat menghormati antara generasi keluarga berlainan, kaum wanita dahulu dan terkini, asal usul budaya berbeza maupun perubahan seni dalam Sejarah Tanah Melayu sehingga sekarang. Kepentingan aspek “hormat” dalam mendasari konsep MADANI dibuktikan bukan sahaja susunan pertama cerpen HI yang berkaitan tema hormat tetapi ulangan saranan oleh pengarang lain untuk memupuk saling menghormati seiring dengan pencapaian konsep MADANI. Contohnya, dalam cerpen NH *Lelaki dan Naratif Teks Silam*, watak utama Dr Marzuki, seorang pakar penyelidik dalam Sejarah pahit Rusuhan Kaum 13hb Mei 1969, ingin memperjuangkan perpaduan masyarakat kaum di Malaysia kerana kajian beliau telah membongkar kebenaran dan juga cara untuk mengatasi masalah perpaduan kaum yang kini menjadi kekangan terbesar dalam pencapaian konsep MADANI. Kerajaan kolonial yang “pecah memerintah” bukan sahaja ramai penyelidik lain dan kawan pensyarah dalam institut pengajian tinggi ini menegah dia daripada menyebarkan dapatan kajiannya atas alasan masyarakat belum bersedia untuk berdepan dengan peristiwa pahit yang berlaku 55 tahun dalam sejarah Malaysia. Isu mencari kebenaran yang diadakah sesuatu isu yang tetapi mereka tidak percaya akan pencapaian keharmonian yang penting supaya peristiwa dalam Sejarah hitam tanah air tidak akan berulang lagi. Sikap hormat menghormati antara satu sama untuk mencapai perpaduan bukan senang untuk dipupuk malah individu berpendidikan tinggi seperti professor pun mengalami masalah sangkut akibat birokrasi dalam politik.

Halangan lain kepada pencapaian konsep ini bukan sahaja idealisme, birokrasi atau ketidakyakinan tetapi sumber pandangan sinis dan kritikal masyarakat seperti yang terjumpa dalam intonasi setengah daripada pengarang cerpen-cerpen dalam antologi ini. Nada sinis watak Abang Dani seorang penggali kubur yang hancur masa hadapannya kerana dipenjarakan akibat menyokong pihak politik pembangkang dalam responnya kepada bantuan daripada YB tempat dia. Nada suara Mat Ani apabila berdepan dengan En. Azim wakil kerajaan yang memberi dia senaskhah buku Malaysia Madani dan kebimbangan yang diutara oleh watak Kak Diya (NH, SRDNTA) terhadap syak wasangka yang timbul akibat niat buruk segelintir masyarakat yang ingin memecah belahkan perpaduan negara. Adik Azan (NH, SRDNTA) pula merujuk kepada “kebencian melampau” (57) yang berpanjangan memerlukan kemaafan seperti dalam saranan golongan tua (SI, DUA) “Kami ampunkan mereka. Kami maafkan khilaf mereka” (93). Sejarah pentadbiran daripada zaman kolonial ke zaman Merdeka sehingga kerajaan MADANI hari ini telah mengharungi

banyak cabaran yang telah menimbulkan kecurigaan, ketidakpuasan, rasisme, sinisme, kebencian seperti yang dicerminkan dalam plot *Semalam Sahaya Mimpikan Tuan* (HI) di mana seorang wanita Melayu yang telah dididik dan berkahwin di negara Barat tidak dapat mengeratkan perhubungan dengan ibu malah lebih dekat dengan neneknya yang bekas penari ronggeng dan arwah datuk seorang artis bangsawan berhijrah ke Singapura tetapi sekarang balik ke tanah airnya. Watak Ibu seorang Uztazah di sekolah agama telah dihantar balik ke kampung di Taiping semasa nenek dan datuk di Singapura. Keamanan dan kasih sayang antara ketiga-tiga sejarah generasi berbeza bermula dengan kemaafan seperti antara watak anak, ibu dan nenek dalam cerpen SSMT (HI). Kemaafan berasaskan kehormatan perbezaan pendirian, pendapat dan perspektif seperti kata watak anak (SSMT) yang berkata:

Setiap orang ada sudut pandangan tersendiri dalam sesuatu hal. Aku menghormati pandangan emak, tapi aku juga tahu, nenek tentu saja ada sudut pandangnya sendiri. (21)

LATAR SEJARAH

Salah satu elemen dalam analisis intrinsik sebuah cerpen ialah penelitian latar sebuah cerpen (Laelasari et. al. 2018). Hampir semua latar yang diguna oleh kelima-lima pengarang tersebut ada kaitan dengan peristiwa pemecatan Perdana Menteri YB Dato Seri Dr. Anwar Ibrahim terkini 2 dekad dahulu. Dalam cerpen Ruhaini Matdarin iaitu *25 Tahun Menembus Batas*, watak Cah, seorang pemain kulintangan berbakat tidak selesa apabila anaknya Ari mengeluarkan alat muzik kulintangan dari tempat persembunyiannya selepas 2 dekad dan mengembalikan peristiwa pahit yang berlaku setahun sebelum Timbalan Perdana Menteri Dato Anwar Ibrahim dipecat. Kekeluhan kematian Midin yang “luar biasa pengetahuannya berkat membaca buku, mencintai tulisan Hamka dan Pramoedya” (25TMB, 68) memang jelas satu penyesalan terhadap peristiwa penahanan kemudian pendakwaan Dato Seri dari 1998-2018 (Azslan Selamat 2018) selama 2 dekad. RM serentak mengangkat watak Midin sebagai satu aksara berkorban untuk negara yang timbul kembali dalam bentuk anaknya Ari yang tidak dididik cara untuk main kulintangan tetapi tetap berazam membawa permainan muzik tradisional kulintangan ke seluruh pelusok dunia dengan inovasi internet. Sokongan untuk falsafah MADANI berbentuk pengesahan aspirasi sesuatu negara ideal berada dalam kesemua cerpen-cerpen terpilih Namun pada hakikatnya, halangan seperti pemikiran kepercayaan tradisional, kekurangan keyakinan, masalah perpaduan perlu ditangani dan akan menjadi satu cabaran kepada kuasa pentadbir menjadikan realiti impian yang sudah bermula 2 dekad dahulu. Kekangan kepada pencapaian kerajaan MADANI bukan sesuatu yang baru tetapi sudah wujud selama Impian falsafah MADANI dan sebelumnya seperti yang dibayangkan dalam rumah pusaka yang dijaga 6 tonggak dalam cerpen SRDNTA (NH).

IHSAN & DAYA CIPTA

Konsep “Ihsan” iaitu konsep terakhir tetapi tidak kurang penting merujuk kepada “belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan” <https://malaysiamadani.gov.my/> sebenarnya adalah keyakinan (*al-yaqi-n*) dan kesejahteraan (*al-sala-mah*) dalam Ilmu Tasawuf () merangkumi ke-lima-lima konsep MADANI yang berdiri pada pemberian pertimbangan yang adil kepada semua pihak (Noor Mohamad Shakil Hameed 2023). Sifat “Ihsan” sesuai untuk mendiskripsikan sikap yang harus dipupuk bukan sahaja dalam masyarakat tetapi merupakan asas sebelum boleh mencapai konsep kemampanan, kesejahteraan, hormat dan keyakinan. Sebab pertimbangan yang adil akan mengelakkan kesengsaraan () walaupun sedih seperti yang berlaku kepada pegawai imigresen yang terpaksa menangkap pendatang asing (SP) dan mengelakkan ketidakadilan seperti yang berlaku kepada Midin (25 TMB) yang dituduh mati sebab melangkah kulintangan atau mengelakkan kehancuran harapan Abang Dani, penggali kubur dan bukan seorang graduan lulus universiti. Akan tetapi pertimbangan adil tidak boleh adil hanya dari perspektif manusia tetapi seperti ajaran dalam Ilmu Tasawuf, keadilan paling telus adalah dari Tuhan. Asal konsep ihsan dari agama Islam, diangkat sebagai satu kunci penting kepada penerimaan konsep MADANI, pembasmian sinisme, kecurigaan dan ketidakpercayaan masyarakat seperti yang dibincangkan di atas.

Konsep ini membawa bersamanya satu daya yang memperkasakan generasi akan datang untuk membawa perubahan seperti yang ditunjuk dalam cita-cita Ari (25 TMB) dengan kulintangannya, watak anak dengan hasratnya untuk menghormati ibu dan neneknya yang berbeza pendapat (SMST), doa-doa golongan tua (DUA) yang menanti “anak-anak yang bersedia untuk membawa kami bangkit semula”.(93).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan tema, watak, dialog dan juga latar semua cerpen-cerpen terpilih dalam antologi *Sebuah Rumah dan Naratif Tanah Air* (2023) berhubung dengan semua aspek konsep MADANI daripada kemampunan, kesejahteraan, hormat, keyakinan, daya cipta dan ihsan. Setiap pengarang telah mengambil latar sejarah dan budaya masyarakat realistik serta bersifat metafora untuk menyampaikan pendapat mereka melalui kritikan. Kritikan sifat idealisme konsep MADANI diikuti dengan birokrasi politik, ketidakikhlasan dalam langkah pencapaian matlamat MADANI. Masalah tuduhan idealisme konsep falsafah MADANI ditonjolkan melalui scenario masyarakat jalanan, orang tua, orang asing tak bersurat, orang miskin kampung, keluarga masyarakat biasa, masyarakat berpendidikan tinggi yang berhadapan dengan pegawai kerajaan seperti En. Azim yang hanya ingin menghumban buku MADANI kepada Mat Ani (LH, MDTMA) dan En. Zam Zam yang pentingkan rakaman kehidupan keluarga MADANI dengan krew videonya (LH, RB). Masalah kemiskinan, penipuan dan penindasan masyarakat kampung oleh YB yang menyalahgunakan kuasa, politik rasuah serta birokrasi yang menghalang kebenaran daripada didedahkan semua memerlukan tindakan daripada kerajaan. Jika masalah masyarakat tidak ditangani, perasaan kecurigaan, ketidakpercayaan dan sinisme akan meleret seperti pengulangan sejarah hitam tanah air yang telah meruntuhkan keharmonian tanah air (NH, LDNTS) dan pejuang menjadi seperti seorang cendekiawan “berpegang teks kajian berjilid emas” menyuarakan hasrat dan Impian yang ditenggelami dalam kalbu.

Kekuatan konsep MADANI adalah kaitan antara konsep-konsep tersebut yang mengamalkan ihsan, keadilan, hormat antara satu sama lain dan juga alam sekitar, kepentingan daya cipta kreatif merujuk kepada generasi muda dengan ide baru yang boleh membantu memberangsangkan semula bidang seni seperti watak Ari (RM, 25TMB) dan watak anak perempuan Suratman (HI, SSMT) yang bersedia memeluk perbezaan di antara nenek dan ibunya. Keyakinan terhadap ketua kerajaan juga digariskan dalam kesemua cerpen melalui watak perdana menteri (LH, MDTMA), watak cendekiawan (NH, LDNTS), watak bapa (HI, SSMT) dan Adik Mel (Nh, SRDNTA) yang bertumpu kepada keikhlasan beliau yang sudah pernah dijatuhkan dalam penatdbiran korup tetapi berjaya bangun kembali melalui cara yang betul untuk menjawat sebagai pentadbir tertinggi di Malaysia. Turut disisip adalah saranan untuk mengambil masa dan bersabar untuk mencapai tonggak kkosnep MADANI melalui langkah-langkah semulajadi tanpa paksaan. Kerajaan juga turut mengiktiraf bahawa konsep MADANI bukan sesuatu konsep baru tetapi sudahpun di serlah oleh pentadbiran sebelum dan masyarakat memang cuba untuk hidup bagaikan keluarga MADANI tetapi ini akan mengambil masa yang lama untuk mencapai konsep falsafah MADANI yang disanjung.

RUJUKAN

- Ahmad Badruddin Abdullah. 24 May 2023. Prinsip hormat Malaysia MADANI Tingkat Nilai Masyarakat. dlm. *Berita Harian*. Retrieved Sep. 19, 2024 dari [PressReader.com - Digital Newspaper & Magazine Subscriptions](https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian)
- Atriza Umar. Peranan Dan Fungsi Sastera Dalam Masyarakat, IKRAM: *Isu Semasa*, 9 Ogos 2022 <https://ikram.org.my/peranan-dan-fungsi-sastera-dalam-masyarakat/>

- Azslan Selamat & Shakila Parween Yacob. 2018. Peristiwa Penahanan dan Pendakwaan Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam Hubungan Malaysia-Amerika Syarikat, 1998-2004. dlm. *Sejarah*, Bil. 2. Vol.27., ms. 66-80. DOI: [10.22452/sejarah.vol27no2.5](https://doi.org/10.22452/sejarah.vol27no2.5)
- Booklet-Modul-Membangun-Malaysia -Madani. <https://www.jkom.gov.my/wp-content/uploads/2024/01/BOOKLET-MODUL-MEMBANGUN-MALAYSIA-MADANI.pdf>
- Hj. Hasan Al-Banna Mohamed, Norashikin Sahol Hamid, Elmi Baharuddin, Sayuti Ab Ghani, Azmi Ahmad. 2023. Konsep Ihsan pemangkin Sistem Pengurusan Organisasi yang Berkualiti dalam Pembinaan Negara Madani. Persidangan ICO-ISOL 2023 (International Virtual Conference on Islamic Studies, Education, Social Sciences, and Laws). Di Mei 8 2023. ms. 1-17.
- Laelasari, R., Paris, S., & Ahmadi, Y. 2018. Analisis Unsur Intrinsik dan Nilai Pendidikan Karakter dalam Cerpen "Kisah Tiga Kerajaan Lampau" Karya David Victor. dlm. *Jurnal Penelitian Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, Vol. 1(3), ms.323-324.
- Mohamed Nasser, M. 2023a&b. 100 Warkah, 1,000 Impian Anwar PM-10: Coretan rakyat Malaysia. Jilid 1 dan Jilid 2. Nuha Creative Resources.
- Muhammad Amsyar Azman & Nurul Hasanah Abdul Rahman. 2023. Penerapan Konsep Malaysia MADANI dalam Dasar Awam: Membudayakan Harmoni dalam Kepelbagaian. dlm. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*. Vol.5, No.4, ms. 29-43.
- Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin Mac 23, 2024. Konsep Malaysia Madani Pacu Kelestarian Alam Sekitar. Institut of Islamic Understanding Malaysia. Mac 23, 2024. Retrieved Sep., 23, 2024 from <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2023/03/23/konsep-malaysia-madani-pacu-kelestarian-alam-sekitar/>
- Shah Mohd Akmal, A. H. 2023. 54 Tahun Meniti Perjuangan yang Panjang. Dlm. *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, ms. 6-11.
- Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin, Tunku Salha Tunku Ahmad, Nurul Naimah Rose, Nur Ainisyafini Ab Rahim & Junaidi Awang Besar. 2024. Pandangan Pengundi Terhadap Slogan "Malaysia Madani" dalam Pilihan Raya Negeri 2023 E-Bangi. dlm *Journal of Social Sciences & Humanities*, Vol. 21 No. 1, ms. 446-455. DOI:<https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.38>.
- Siti Nor Ayu Basir, Adi Anuar Azmin & Abdul Jalil Ramli. Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*. Di Thaksin University, Songkla, Thailand, tanggal 23-24 Ogos, 2023.
- Teks Ucapan, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri pada 27 Julai 2023 9:00 pagi. Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat di Suruhanjaya Sekuriti <https://www.pmo.gov.my/ms/2023/07/teks-ucapan-ekonomi-madani-memperkasa-rakyat-2/>
- Mohd Hamidi Ismail. *Konsep Masyarakat Madani dalam Pemikiran Politik Imam Al- Ghazali*. Mac 2023 Kertas Konferens SAPIA 2023. Retrieved 19 September 2024. <https://www.researchgate.net/publication/369228285>
- Suhailah Abdullah 2023. Masyarakat Madani Berteraskan Akhlak Islam. dlm. *Dewan Tamadun Islam*. 16 Mac 2023. <https://dewantamadunislam.jendeladbp.my/2023/03/13/5334/>.